



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 52**

**14hb Ogos 2008**

**No. 17**

---

---

**No. 493.**

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(Act 172)

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA  
RANCANGAN TEMPATAN DAERAH MELAKA TENGAH 2015

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE  
MELAKA TENGAH DISTRICT LOCAL PLAN 2015

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Melaka telah memberi persetujuannya pada 7 Mei 2008 kepada:

Rancangan Tempatan Daerah Melaka Tengah 2015.

2. Draf Rancangan Tempatan Daerah Melaka Tengah 2015 itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Daerah Melaka Tengah 2015 dan boleh diperiksa di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dalam waktu pejabat.

Pembatalan

3. Penerimaan Rancangan Tempatan Blok 3, 4, 5 dan 6 yang disiarkan sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 53/2002 bertarikh 11 April 2002 dan Rancangan Tempatan Blok 1 dan 2 yang disiarkan sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 54/2002 bertarikh 11 April 2002 dibatalkan.

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the state Authority of Malacca has given its assent on 7 May 2008 to the:

Melaka Tengah District Local Plan 2015.

2. The draft of Melaka Tengah District Local Plan 2015 is now identified as the Melaka Tengah District Local Plan 2015 and may be inspected at the Malacca Historic City Council during office hours.

Revocation

3. The adoption of Local Plan Block 3, 4, 5 and 6 as published in *Gazette* Notification No. 53/2002 dated 11 April 2002 and Local Plan Block 1 and 2 as published in *Gazette* Notification No. 54/2002 dated 11 April 2002 are revoked.

Bertarikh 8 Julai 2008

Dated 8 July 2008

[MBMB/JP/00009; JPBD(M)311/18 Klt. 7;

PUNM. 700.02/6]

**No. 494.**

ENAKMEN WAKAF (NEGERI MELAKA) 2005

WAKAF (STATE OF MALACCA) ENACTMENT 2005

PELANTIKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 34(1)

APPOINTMENT UNDER SUBSECTION 34(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 34(1) Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 [*Enakmen No. 5 tahun 2005*], Majlis telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 34(1) of the Wakaf (State of Malacca) Enactment 2005 [*Enactment No. 5 of 2005*], the Majlis has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to hold the office specified in column (2) with effect from the dates mentioned in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Names	(2) Jawatan/Posts	(3) Tarikh/Dates
Mohd Hairulamin bin Mohd Sis	Pendaftar Wakaf/ Registrar of Wakaf	1-1-2008

(1) Nama/Names	(2) Jawatan/Posts	(3) Tarikh/Dates
Rohaizah binti Abas	Penolong Pendaftar Wakaf/ <i>Assistant Registrar of Wakaf</i>	1-1-2008
Nasri bin Buchik	Penolong Pendaftar Wakaf/ <i>Assistant Registrar of Wakaf</i>	1-1-2008

Bertarikh 27 Jun 2008

Dated 27 June 2008

[MAIM/W/4/1 Klt. 2; PUNM. 700-02/40]

DATUK SERI HAJI MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM  
*Pengerusi/Chairman*  
*Majlis Agama Islam Melaka*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 495.**

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

(Section 27)

NOTICE OF ENQUIRY

Suatu siasatan akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Negeri Melaka pada hari Rabu bersamaan 15 Oktober 2008 pada jam 9.30 pagi berkenaan perkara yang berikut:

Permohonan untuk Perintah Jual Tanah No. Hakmilik H.S.(M) 2063 P.T. 4962, Mukim Ayer Panas, Daerah Jasin (PTJ.D. 2558).

Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau permintaan lain hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan itu dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Mana-mana orang sedemikian boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

Mana-mana orang sedemikian boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, supaya siasatan itu ditangguhkan atau supaya tempat siasatan itu diubah dengan menyatakan—

- (a) sebab-sebab penangguhan atau perubahan itu diminta; dan
- (b) jenis dan isi keterangan yang dicadangkan hendak diberi atau dikemukakan olehnya.

Bertarikh 8 Julai 2008  
[PTJ/D. 2558/(11); PUNM 700-02/1/11]

ROSLAN BIN EUSOFF  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Jasin*

TAMBAHAN

Kepada Osman bin Baba dan Marita binti Wahit yang beralamat di 32 Jalan Desa Duyong 10, Taman Desa Duyong, 75460 Melaka dan/atau 933-A Jalan Duyong, Permatang Duyong, Melaka.

Saya ada sebab untuk mempercayai bahawa tuan/puan ada kepentingan dalam perkara siasatan ini.

Sila ambil perhatian bahawa jika tuan/puan tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan itu maka siasatan itu akan diteruskan dan disempurnakan tanpa kehadiran tuan/puan.

ROSLAN BIN EUSOFF  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Jasin*

An enquiry will be held at the Jasin District and Land Office, District of Jasin, Negeri Melaka on Wednesday 15 October 2008 at 9.30 a.m. in respect of the following matter:

Application for Order for Sale of Land held under H.S.(M) 2063 P.T. 4962, Mukim Ayer Panas, District of Jasin (PTJ.D. 2558).

Any person who has any interest in this matter or wishes to make any claim, objection or other submission shall attend at the place and at the time specified and be prepared to give oral evidence and to produce any documentary evidence he may possess.

Any such person may be assisted at the enquiry by an advocate and solicitor.

Any such person may, by registered letter, apply for a postponement or for a change of venue, stating—

- (a) the reason for which such postponement or change is sought; and
- (b) the nature and substance of the evidence which he proposes to give or adduce.

Dated 8 July 2008  
[PTJ/D. 2558/(12); PUNM 700-02/1/11]

ROSLAN BIN EUSOFF  
*District Land Administrator  
Jasin*

## SUPPLEMENT

To Osman bin Baba and Marita binti Wahit, 32 Jalan Desa Duyong 10, Taman Desa Duyong, 75460 Melaka and/or 933-A Jalan Duyong, Permatang Duyong, Melaka.

I have reason to believe that you are interested in the subject-matter of this enquiry.

Take notice that if you fail to make due appearance at the time and place specified the enquiry may proceed and be completed in your absence.

ROSLAN BIN EUSOFF  
*District Land Administrator*  
*Jasin*

**No. 496.**

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100

ORDER OF LAND ADMINISTRATOR UNDER SECTION 100

Bahawasanya notis tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965] telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan suatu catatan tentang penyampaian notis itu telah diendors dalam Daftar Dokumen Hakmilik:

Bahawasanya amaun yang dinyatakan dalam ruang (4) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu telah tidak dibayar kepada Pentadbir Tanah pada atau sebelum 27 Disember 2007:

Oleh itu, saya dengan Perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah itu terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Whereas a Notice of Demand in Form 6A of the National Land Code [56 of 1965] has been served on the proprietor of the land described in the Schedule and a note of the service of such notice has been endorsed on the Register Document of Title:

Whereas the amount specified in column (4) as prescribed in such notice has not been paid to the Land Administrator on or before 27 December 2007:

Therefore, I by this Order declare such land forfeit to the State Authority.

## JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Mukim/Bandar/Pekan No. Lot/No. P.T. Keluasan Perihal dan No. Hakmilik Rujukan Fail	Tarikh Penyampaian Borang 6A	Tarikh Pengindorsan Daftar Dokumen Hakmilik	Amaun Kena Bayar dalam Borang 6A
No.	Mukim/Town/Village Lot No./P.T. No. Area Description and No. of Title File Reference	Date of Service of Form 6A	Date of Endorsement on Register Document of Title	Amount Due in Form 6A
1.	Peringgit No. Lot 1564 537.000 meter persegi/ square metres P.N. 12649 PTMT:B3/116 PT.16/07/PGT./2	10-9-2007	9-10-2007	RM36,867.90

Bertarikh 11 Julai 2008

Dated 11 July 2008

[PTMT. B3/116 PT16/07/PGT./2;

PUNM. 700-02/1/11]

ROSLAN BIN IBRAHIM  
Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Melaka Tengah

**No. 497.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], tanah yang dijadualkan di bawah ini telah melalui perintah, diisytiharkan terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis diberikan bahawa pelucuthakan itu berkuat kuasa pada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta* dan bahawa, oleh kerana tanah itu terletak hak kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang ada terdahulu atau yang boleh timbul adalah terhapus; dan
- (b) dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh diimpaun oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to the provision of section 100 of the National Land Code [56 of 1965], the lands scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

Notice is hereby given that such forfeiture has taken effect on the date of the publication of this notice in the *Gazette* and that, in consequence of its vesting in the State Authority—

- (a) any title or interest in the land heretofore subsisting or capable of arising is extinguished; and
- (b) the issue document of title to the land are void and are impoundable by the State.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAKKAN/  
*SCHEDULE OF FORFEITED LAND*

Bil.	Bandar	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan	Rujukan Fail
<i>No.</i>	<i>Town</i>	<i>Lot No.</i>	<i>Description and No. of Title</i>	<i>Area</i>	<i>File Reference</i>
			P.N.	Meter Persegi/ <i>Square Metres</i>	
1.	Peringgiti	1564	12649	537.000	PTMT: B3/116/ PT. 16/07/ PGT./2

Bertarikh 12 Julai 2008

Dated 12 July 2008

[PTMT. B3/116 PT. 16/07/PGT./2;

PUNM. 700-02/1/11]

ROSLAN BIN IBRAHIM  
*Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Melaka Tengah*

**No. 498.**

(Seksyen 261)

SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMONS TO THE CHARGOR TO ATTEND AN ENQUIRY

Kepada Azmi bin Wahab yang beralamat di Batu 5 1/2, Kampung Baru, Pulau Gadong, 75200 Melaka penggadai dalam gadaian yang disebut dalam Jadual bagi tanah yang diperihalkan di dalamnya:

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965]:

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah pada 23 Oktober 2008 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah jual yang disebut terdahulu tidak patut dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Tanjong Minyak. No. Lot—3542. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 600. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 6318/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 30 Jun 2008  
[PTMT: BI(J)46/07;  
TAC/MBB/CLMC/827/06;  
PUNM. 700-02/1/11]

MASWADI BIN MOHAMAT  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah  
Melaka Tengah*

To Azmi bin Wahab address Batu 5 1/2, Kampung Baru, Pulau Gadong, 75200 Melaka as chargor under the charge specified in the Schedule of the land in the title described therein:

Whereas I have received an application for an order for sale from the chargee of the said charge under subsection 260(2) of the National Land Code [56 of 1965]:

And whereas I propose to have an enquiry to the said application at the District and Land Office of Melaka Tengah on the 23 October 2008 at 10.00 a.m.

Now, therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are hereby requested to attend the enquiry and state the reasons why the aforesaid order for sale should not to be made.

#### SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Mukim—Tanjong Minyak. Lot No.—3542. Description and No. of Title—P.M. 600. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—No. Perserahan 6318/2001. (One (1) Title only).

Dated 30 June 2008  
[PTMT: BI(J)46/07;  
TAC/MBB/CLMC/827/06;  
PUNM. 700-02/1/11]

MASWADI BIN MOHAMAT  
*Assistant District Land Administrator  
Melaka Tengah*



**No. 499.**

Kepada Jamariah binti Saruali yang beralamat di 21 Jalan DP 6, Taman Duyung Permai, 75450 Melaka penggadai dalam gadaian yang disebut dalam Jadual bagi tanah yang diperihalkan di dalamnya:

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965]:

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah pada 23 Oktober 2008 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah jual yang disebut terdahulu tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Duyung. No. Lot—4322. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 124. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 6377/2000, Jilid 366, Folio 93. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 30 Jun 2008  
[PTMT: BI(J)83/07;  
TAC/MBB/CLMC/313/03;  
PUNM. 700-02/1/11]

MASWADI BIN MOHAMAT  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah  
Melaka Tengah*

To Jamariah binti Saruali address 21 Jalan DP 6, Taman Duyung Permai, 75450 Melaka as chargor under the charge specified in the Schedule of the land in the title described therein:

Whereas I have received an application for an order for sale from the chargee of the charge of the said charge under subsection 260(2) of the National Land Code [56 of 1965]:

And whereas I propose to have an enquiry to the said application at the District and Land Office of Melaka Tengah on the 23 October 2008 at 10.00 a.m.

Now, therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are hereby requested to attend the enquiry and state the reasons why the aforesaid order for sale should not to be made.

## SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Mukim—Duyung. Lot No.—4322. Description and No. of Title—G.M. 124. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—Perserahan No. 6377/2000, Jilid 366, Folio 93. (One (1) Title only).

Dated 30 June 2008  
[PTMT: BI(J)83/07;  
TAC/MBB/CLMC/313/03;  
PUNM. 700-02/1/11]

MASWADI BIN MOHAMAT  
*Assistant District Land Administrator  
Melaka Tengah*

**No. 500.**

Kepada Zahariah binti Mansor yang beralamat di 401 Bukit Rasah, Seremban, 70300 Negeri Sembilan penggadai dalam gadaian yang tersebut di dalam Jadual bagi tanah yang tersebut di dalamnya:

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara [*56 tahun 1965*]:

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Melaka pada 23 Oktober 2008 (Khamis) jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Ramuan China Kechil. No. Lot—1096. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 267. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 836/2002.

Bertarikh 17 Julai 2008  
[PTAG. B1/04/120/2006(29);  
PUN(M) 700-02/1/12]

HAFIZAH BINTI MD SHAH  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah  
Alor Gajah*

To Zahariah binti Mansor address 401 Bukit Rasah, Seremban, 70300 Negeri Sembilan the chargor of the charge stated in the Schedule over the land stated therein:

Whereas I have received from the chargee of the said charge an application for an order for sale to be issued under subsection 260(2) of the National Land Code [*56 of 1965*]:

And whereas I intend to hold an enquiry with regards to the said application at the District Land Office of Alor Gajah on the 23 October 2008 (Thursday) at 10.30 a.m.

Therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are required to attend the said enquiry and show cause why the said order ought not to be made.

## SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Mukim—Ramuan China Kechil. Lot No.—1096. Description and No. of Title—G.M. 267. Registered No. of Charge (if any)—Perserahan No. 836/2002.

Dated 17 July 2008  
[PTAG. B1/04/120/2008(30);  
PUN(M) 700-02/1/12]

HAFIZAH BINTI MD SHAH  
*Assistant District Land Administrator  
Alor Gajah*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

**No. 501.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Untuk Tujuan Sekolah Rendah Agama JAIM Semabok.

2. Sesuatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Melaka Tengah. Mukim—Semabok. No. Lot Ukur—432. Hakmilik atau Pendudukan—G.M.M. 720. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Tan Beng Neo 1/4 bhg., Tan Liat @ Tan Poh Liat 1/4 bhg., Tan Poh Chuan 1/4 bhg. dan Tan Poh Neo 1/4 bhg. Keluasan Lot—0.4274 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—Semua.

Bertarikh 18 Julai 2008  
[PTG(M)S/342/7/1/26/140]

ABD. KADIR BIN YAAKUP  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Melaka*

**No. 502.**

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Untuk Tujuan Rancangan Penempatan Penduduk Rizab Kereta Api.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Alor Gajah. Mukim—Gadek dan Belimbing.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan GRN	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot Hektar	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<b>Mukim Gadek</b>				
1226	14143	Kumpulan Tebong Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	17.77	Semua

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan  GRN	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot  Hektar	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
Mukim Belimbing				
502	8324	Sin Hai Estate Berhad 1/1 bhg.	12.9374	Semua

Bertarikh 31 Julai 2008  
[PTG(M)S/342/7/2/26&30/144]

ABD. KADIR BIN YAAKUP  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Melaka*

**No. 503.**

(Seksyen 34)

PEMBERITAHUAN PEMBATALAN PENGAMBILAN TANAH

Adalah diberitahu bahawanya pengambilan tanah untuk tujuan Projek Pembinaan Sekolah Rendah Arab (JAIM) Batang Tiga Timur di Mukim Bukit Rambai, Daerah Melaka Tengah seperti yang dinyatakan di dalam *Warta* Kerajaan No. 495 bertarikh 22-11-2007 seperti di Jadual 'A' dibatalkan:

Untuk Tujuan Projek Pembinaan Sekolah Rendah Arab (JAIM) Batang Tiga Timur, Bukit Rambai, Melaka.

JADUAL A

Daerah—Melaka Tengah. Mukim—Bukit Rambai.

No. Lot Ukur—3203. Hakmilik atau Pendudukan—G.M.M. 2469. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Robiah binti Ahmad 1/1 bhg. Keluasan Lot—0.0815 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—815 meter persegi.

Bertarikh 21 Julai 2008  
[PTG(M)S/342/7/1/3/120]

ABD. KADIR BIN YAAKUP  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Melaka*

**No. 504.**

[Subseksyen 35(1)]

PEMBERITAHU PENARIKAN BALIK PENGAMBILAN TANAH

Adalah diberitahu bahawasanya cadangan pengambilan balik tanah yang dinyatakan di dalam Jadual berikut yang telah diisytiharkan di dalam *Warta* Kerajaan Negeri Melaka No. 191 bertarikh 10 Mei 2008 untuk tujuan Projek Rumah Awam adalah dengan ini dibatalkan.

## JADUAL

Daerah—Alor Gajah. Mukim—Machap. No. Lot Ukur—2316. Hakmilik atau Pendudukan—P.M. 887. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Gan Hing Boon (KP. 580704-10-5593) 1/3 bhg., Lim Eng Seng (KP. 550327-10-5725) 1/3 bhg. dan Lim Eng Wah @ Lim En Wah (KP. 470714-10-5141) 1/3 bhg. Keluasan Lot—2.934 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—2.934 hektar.

Bertarikh 31 Julai 2008  
[PTG(M)S/342/7/2/6/105]

ABD. KADIR BIN YAAKUP  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Melaka*

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA